

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

RPE 322 - Perancangan Lalulintas

Tarikh: 5 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah
hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Anda telah dilantik sebagai perunding untuk menjalankan kajian lalulintas dan pengangkutan di Pusat Bandar Georgetown, Pulau Pinang. Terangkan dengan ringkas caranya dan apakah pendekatan yang perlu anda jalankan untuk menjayakan kajian tersebut?
(20 markah)
2. Kini kadar kemalangan jalan raya di Negara kita telah meningkat ke tahap yang membimbangkan. Sebanyak 2,300 nyawa telah terkorban dan 4.1 juta kenderaan telah terlibat di dalam kemalangan jalan raya pada tahun 1987. Berdasarkan fakta yang ringkas di atas, bentukkan polisi-polisi yang dapat diketengahkan ke arah mengelakan atau mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Negara kita.
(20 markah)
3. Terdapat beberapa kaedah kajian yang boleh dijalankan untuk mengumpul data asal - destinasi perjalanan. Terangkan kaedah-kaedah tersebut dan bandingkan kebaikan dan keburukan tiap-tiap kaedah tersebut.
(20 markah)

...2/-

4. Bentuk fizikal bandar kebanyakannya dipengaruhi oleh sistem pengangkutan. Bincangkan.


(20 markah)

5. Terangkan apa yang dimaksudkan dengan EMPAT daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Perhentian dan terminal atau stesyen bas.
- (b) Landskap jalan raya.
- (c) Skim penahanan lalulintas.
- (d) Perlesenan pengangkutan jalan.
- (e) Pengasingan pejalan kaki daripada kenderaan bermotor.
- (f) Pemasangan lampu jalan.

(20 markah)

6.



Data-data isipadu lalulintas telah dikumpulkan daripada rangkaian jalan raya A, B, C, D yang terdapat di pusat bandar. Purata isipadu lalulintas sejam untuk setiap batang jalan untuk tahun 1985 dan 1988 adalah seperti di bawah:

Jalan	Purata isipadu lalulintas sejam	
	1985	1988
A	4,400	5,000
B	3,900	4,200
C	3,400	3,800
D	3,000	3,100

Andaikan kadar peningkatan isipadu lalulintas untuk jangka pendek adalah malar (constant), carikan isipadu untuk rangkaian jalan raya A, B, C, D untuk jangka masa LIMA tahun dari sekarang.

(20 markah)

7. Rekabentuk borang soal selidik untuk kajian-kajian yang berikut:

- (a) Bancian pejalan kaki
- (b) Isipadu dan aliran lalulintas
- (c) Bancian letak kereta
- (d) Ciri-ciri perjalanan penumpang bas

(20 markah)